

Muhyiddin dakwa tiada jaminan orang Melayu jadi PM

PETALING JAYA: Perikatan Nasional bimbang perubahan politik yang sedang berlaku dengan pantas di negara ini bakal menyaksikan tiada lagi jaminan orang Melayu menjadi perdana menteri.

Pengerusinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, persoalan itu tidak timbul pada masa dahulu kerana konsep perkongsian kuasa antara kaum yang diamalkan oleh Parti Perikatan dan kemudian Barisan Nasional (BN).

Menurut beliau, konsep itu membolehkan parti politik Melayu iaitu UMNO mengetuai satu perikatan politik besar atau 'grand coalition' yang sentiasa mendapat mandat rakyat secara jelas dalam setiap pilihan raya.

"(Namun) perubahan yang lebih besar berlaku dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Tidak ada mana-mana parti atau gabungan parti yang memper-

oleh bilangan kerusi majoriti di Dewan Rakyat.

"Dalam keadaan ini, tidak ada mana-mana ketua parti atau ketua gabungan parti politik yang secara automatik boleh dilantik sebagai Perdana Menteri. Ia bergantung kepada siapa yang mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

"Dalam keadaan inilah rundingan antara parti berlaku dalam menentukan siapa menjadi Perdana Menteri. Inilah landskap politik negara kita kini," katanya dalam kenyataan.

Kelmarin, Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Kamal menggesa Perdana Menteri memanfaatkan majoriti dua pertiga yang dimiliki Kerajaan Perpaduan bagi meminda Perlembagaan Persekutuan agar hanya orang Melayu beragama Islam boleh menjadi Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Muhyiddin

berkata, walaupun orang Melayu adalah majoriti di negara ini, namun mereka hanya memilih wakil ke Parlimen, bukannya siapa yang menjadi Perdana Menteri.

Katanya, dengan adanya undang-undang lompat parti, wakil rakyat ini terikat dengan keputusan parti dan jika ketua parti memutuskan untuk menyokong seorang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri, wakil rakyat itu mesti patuh.

"Maka jadilah orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri dan orang Melayu tidak boleh berbuat apa-apa walaupun itu bukanlah kehendak mereka," katanya.

Muhyiddin berkata, UMNO pula yang dahulunya dominan, menjadi parti kecil dalam pakatan politik yang dikuasai DAP, maka apa sahaja yang dituntut oleh DAP, maka UMNO terpaksa mengikut.